

Pola Perbelanjaan Belia B40 dan M40 di Bandar

Norshuhada Bukhari¹, Norizan Rameli^{1*}

Pusat Pengajian Umu dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 84600, Parit Raja, Batu Pahat, Johor,
MALAYSIA

*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2021.01.02.004>

Received 27 May 2021; Accepted 29 June 2021; Available online 1 Dis 2021

Abstrak: Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis perbelanjaan belia kumpulan B40 dan M40 yang menetap di bandar berdasarkan keperluan tertentu. Bagi mencapai objektif kajian ini, satu kerangka kajian mengenai apakah keperluan yang diutamakan ketika berbelanja telah dibangunkan. Keperluan tersebut merangkumi keperluan asas, perlindungan dan kesihatan, keluarga, dan masa lapang. Hasil dapatan kajian berupaya memperlihatkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan tersebut ketika berbelanja. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan keutamaan ketika berbelanja yang didorong oleh keinginan untuk menjamin kelangsungan hidup di bandar. Keperluan asas menjadi keutamaan perbincangan kajian perbelanjaan khususnya bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di bandar. Hal ini disebabkan kos sara hidup yang mencabar di kawasan bandar. Akhir kajian ini mengetengahkan bahawa bentuk gaya hidup juga menyumbang kepada amalan perbelanjaan oleh golongan belia di bandar.

Kata Kunci: Bandar, Belia, Keperluan, Pendapatan, Perbelanjaan

1. Pengenalan

Pola perbelanjaan merupakan antara perkara yang sering diberi perhatian oleh pelbagai pihak, baik daripada pihak kerajaan sendiri melalui jabatan-jabatan penyelidikan yang dilantik, ataupun badan-badan penyelidikan bebas. Hal ini demikian kerana, pola perbelanjaan yang dilakukan secara tidak langsung memberi impak kepada pendapatan negara. Namun demikian, terdapat pelbagai cabaran yang bakal dihadapi ketika berbelanja. Cabaran tersebut akan lebih terkesan jika tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Ini disebabkan oleh pendapatan mengurangkan kuasa membeli yang diakibatkan oleh faktor ekonomi dan harga barang yang semakin meningkat. Keadaan ini menjadi bertambah sukar lebih-lebih lagi jika menetap di kawasan bandar. Hal ini demikian kerana, variasi demografi penduduk bandar merancakkan lagi permintaan bagi keperluan-keperluan asas. Dengan lambakan penawaran produk dan barang yang cenderung untuk memenuhi kepelbagaiannya latar belakang masyarakat berdasarkan identiti tertentu, sekaligus ianya mempengaruhi citarasa ketika berbelanja. Sudah tentu, kumpulan belia dalam kumpulan B40 dan M40 menjadi kumpulan yang

*Corresponding author: norizanr@uthm.edu.my

2021 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp

paling terjejas.

Di bandar, terdapat jumlah pendapatan yang sekurang-kurangnya perlu diperolehi oleh belia agar dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera. Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) (2019) mengetengahkan, untuk menetap di sekitar Lembah Klang, golongan bujang tanpa kereta memerlukan sekurang-kurangnya RM1,870, manakala yang berkereta, RM2,490. Bagi yang berkahwin tanpa anak pula memerlukan RM4,420 sementara yang mempunyai anak sehingga dua orang, RM5,370 hingga RM6,620. Pasangan warga emas pula memerlukan sekurang-kurang RM3,090

Berdasarkan hujahan tersebut, dapat difahami bahawa tingkat pendapatan secara tidak langsung membentuk pola perbelanjaan yang tersendiri berdasarkan keutamaan yang berbeza-beza. Lebih-lebih lagi apabila menetap di bandar, warga bandar berdepan dengan cabaran dan kesukaran untuk menyeimbangi keperluan yang pelbagai dengan pendapatan yang terhad. Dengan erti kata yang lain, keadaan ini sedikit sebanyak menyebabkan pecahan perbelanjaan sedia ada yang diamalkan oleh golongan B40 dan M40 perlu dirombak agar keperluan dari pelbagai aspek dapat dipenuhi. Namun demikian, sejauh manakah perbezaan perbelanjaan antara golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menetap di bandar menjadi persoalan.

2. Pendapatan vs Perbelanjaan

Sekitar tinjauan ke atas kajian-kajian terdahulu yang telah dilaksanakan, terdapat beberapa aspek perbelanjaan dan pendapatan telah diberi perhatian. Dalam isu golongan berpendapatan sederhana, The Edge (2019) menemukan, golongan berpendapatan pertengahan juga berdepan dengan permasalahan dari segi perbelanjaan, sama seperti golongan berpendapatan rendah. Rusli Latimaha, et al. (2018) dalam kajiannya pula telah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan asas di tiga buah bandar utama yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi di Malaysia iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Johor. Analisis kajian yang dilakukan mendapat, terdapat perbezaan belanjawan keperluan asas di antara isi rumah bujang dewasa di Kuala Lumpur dan Johor Bahru, dan antara isi rumah yang kedua-dua ibu bapa yang berkerja di tiga buah bandar utama.

Manakala bagi Nurshuhada Zainon, et al (2017) menerusi kajian mengenai perbelanjaan ke atas keperluan asas iaitu aspek perumahan, didapati bahawa kesukaran kumpulan pendapatan pertengahan di bandar untuk memiliki rumah bukanlah disebabkan oleh ketidakmampuan kewangan namun, disebabkan oleh situasi kewangan mereka yang di luar kelayakan. Isu ini dapat dapat dikaitkan melalui dapatan Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz (2011) yang menemukan kes seperti keengganahan penyewa untuk keluar dari flat perumahan kos rendah (perumahan awam subsidi). Situasi ini mendedahkan, kesukaran untuk mendapatkan rumah pada harga mampu milik memaksa mereka untuk mengurangkan kos-kos perbelanjaan bagi satu-satu keperluan tertentu agar keperluan yang lain dapat diseimbangi.

Bagi kajian-kajian yang tertumpu ke atas golongan berpendapatan rendah pula, golongan B40 yang menetap di bandar merupakan golongan miskin bandar dan lazimnya, mereka akan membelanjakan sebahagian besar pendapatan bagi memenuhi barang keperluan asas dan utiliti (Bank Negara, 2015). Dengan erti kata yang lain, kumpulan berpendapatan rendah tidak mempunyai lebihan kewangan kerana jumlah perbelanjaan adalah hampir setara dengan jumlah pendapatan yang diperoleh. Hal ini disebabkan oleh, mereka terpaksa berdepan dengan tekanan dan kesan inflasi yang lebih tinggi berbanding dengan yang berpendapatan lebih tinggi. Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit (AKPK) seperti yang dilaporkan oleh Sabstu, (2014) menjelaskan, permasalahan kos sara hidup yang melibatkan

peningkatan harga barang komoditi perlu ditangani. Jika tidak, kumpulan yang terlibat akan lebih tertekan dan akhirnya kesejahteraan seseorang individu dan isi rumah akan terjejas.

2.1 Keperluan vs Kemahuan

Untuk menjamin kelangsungan hidup, terdapat keperluan-keperluan tertentu yang perlu dipertimbangkan, sama ada perlu perhatian yang lebih tinggi dan juga sebaliknya. Keperluan tersebut juga berbeza antara satu sama lain antaranya seperti yang dinyatakan oleh adalah Maslow (1943), Rosenberg (1960), Burton (1990), dan Max-Neef (1992).

Maslow (1943) dilihat sebagai pelopor yang telah membincangkan dimensi keperluan dalam kehidupan manusia. Menurutnya di dalam “A Theory of Human Motivation”, terdapat lima jenis keperluan yang diperlukan setiap manusia dan ianya berbentuk hirarki. Dimulai dengan keperluan dasar iaitu fisiologi, keselamatan, kepunyaan, penghormatan, dan keinginan. Rosenberg (1960) kemudiannya dengan model “Non-violent Communication” membahagikan keperluan kepada tujuh iaitu pemberian kasih dalam bentuk fizikal, kebergantungan kepada seseorang, kejujuran dan adil, hak atau kuasa atas sesuatu, bermain, perayaan atau berkabung, dan yang terakhir adalah kebersamaan dan semangat dalam satu kumpulan. Pengkaji ini menggunakan pendekatan bahawa keperluan itu bersifat universal dan kesihatan dan kelangsungan hidup adalah penting.

Burton (1990) pula mengaitkan keperluan dengan keadaan sosial dan politik semasa melihat bagaimana keperluan manusia sejagat seringkali diabaikan akibat daripada konflik sosial. Terdapat sembilan jenis keperluan iaitu keselamatan, kepunyaan atau kasih, menghargai diri, penghargaan diri, identiti, keselamatan kebudayaan, kebebasan, pengagihan keadilan, dan penyertaan. Max-Neef (1992) yang merupakan seorang ahli ekonomi, menggunakan pendekatan yang berfokus kepada kepuasan terhadap keperluan manusia yang berhubungkait dengan bahagian tertentu, tahap keupayaan bagi pertumbuhan generasi, dan lain-lain lagi. Beliau juga mengandaikan tidak ada keperluan yang lebih penting berbanding lain seperti yang dihujahkan oleh Abraham Maslow kerana setiap keperluan itu mempunyai kepentingan dan makna pada kehidupan manusia. Keperluan yang difokuskan oleh beliau terbahagi kepada sembilan iaitu jumlah keperluan asas yang diperlukan untuk hidup, penjagaan, perasaan kasih, memahami, penyertaan, masa lapang, penghasilan, identiti, kebebasan.

Dapatkan yang diketengahkan menunjukkan bahawa keperluan setiap individu mahupun masyarakat boleh berbeza; antaranya berdasarkan lingkungan situasi persekitaran semasa. Lingkungan ini boleh merujuk kepada keadaan ekonomi negara atau keluarga dan juga kestabilan politik. Namun demikian, kebanyakan kajian yang dilakukan terhad kepada keperluan dalam bentuk kelangsungan hidup atau survival khususnya keperluan asas, tanpa mengambilkira keperluan-keperluan lain yang melibatkan perhubungan dan interaksi sesama masyarakat yang mampu memberi kesan ke atas perbelanjaan sehari-hari golongan belia B40 dan M40 ini.

2.2 Survival di Bandar

Kelangsungan hidup di bandar memerlukan belia mempunyai nilai berjimat agar dapat memenuhi keperluan yang pelbagai. Di samping itu, tekanan-tekanan yang dirasai untuk meneruskan hidup di bandar juga memerlukan nilai survival yang tinggi agar, mereka mampu menangani halangan tersebut. Di samping tekanan dari aspek kewangan, golongan bandar juga berhadapan dengan tekanan dari aspek lambakan produk material yang terhasil daripada capaian arus modenisasi dan globalisasi yang sangat

pantas. Maka, tekanan-tekanan inilah yang menjadi penentu kepada sejauh mana mereka mengamalkan nilai mengikuti perkembangan semasa. Noorhaslinda et al. (2018) yang mengenangkan bahawa kumpulan M40 mempunyai kecenderungan untuk berbelanja dengan berhemah agar kelangsungan hidup di bandar dapat dipertingkatkan.

Kepelbagai aktiviti di bandar menjadikannya sebagai tempat tumpuan untuk mencari pekerjaan, dan peluang-peluang baharu (Abdul Rahman, 2011). Perkara ini dibuktikan dengan pergerakan dan perpindahan manusia yang menyebabkan kawasan luar bandar ditransformasi menjadi bandar, seterusnya mencorakkan kehidupan masyarakat bandar yang pelbagai. Proses ini menurut Yaacob (1997) diakibatkan oleh faktor “tolakan” dan “tarikan” yang seolah-olah menolak penduduknya keluar dari kawasan penempatan asal ke kawasan bandar.

Struktur dan tekanan hidup di bandar menyebabkan ekonomi untuk kelangsungan hidup amat ditekankan (Wan Nor Azriyati et al. 2011). Tekanan hidup di bandar turut akan mempengaruhi persekitaran social serta menyebabkan masyarakat menjadi terasing (alienation) dengan memisahkan diri dengan hubungan bersama masyarakat yang akhirnya membuatkan perhubungan sosial menjadi longgar, dan kurang simpati ke atas orang lain, masyarakat turut menjadikannya sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian. Tingkah laku yang terbentuk ini menurut Harvey (1989) disebabkan oleh masyarakat yang terikat dengan proses sosial. Secara tidak langsung, ia juga mencipta tekanan yang mempengaruhi kehidupan seharian. Wang, kadar faedah, pembahagian masa mengikut ruang dan tempat merupakan antara ciri-ciri kehidupan yang dibentuk disebabkan proses sosial tersebut.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa nilai budaya bandar merujuk kepada nilai-nilai seperti survival, mengikuti perkembangan semasa, serta berjimat untuk menjamin kelangsungan hidupdi bandar (Muhammad, 1993; Wan Nor Azriyati et al. 2011; Nooriah & Zakiyah, 2018).

2.3 Perbandingan Pola Perbelanjaan Kumpulan B40 dan M40

Perbelanjaan bagi kumpulan B40 dan M40, pendapatan bukanlah penentu yang akan membezakan tahap perbelanjaan bagi satu-satu jenis keperluan. Hal ini demikian kerana, struktur kehidupan di bandar yang memaksa masyarakatnya berdepan dengan kejutan-kejutan seperti rasionalisasi subsidi dan kedudukan ringgit yang lebih lemah memaksa mereka mengatur perbelanjaan dengan lebih baik untuk meneruskan kehidupan di bandar. Secara keseluruhan, dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan satudapatan baharu dalam perbelanjaan golongan belia di kawasan bandar. Ini kerana, analisis yang dilakukan menunjukkan belia kumpulan B40 dan M40 mengamalkan pola perbelanjaan yang hampir sama walaupun tingkat pendapatan berbeza. Gaya berbelanja yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan memperlihatkan, keutamaan jenis keperluan yang diberi perhatian adalah merentasi tingkat pendapatan. Perkara ini menyokong kenyataan oleh The Edge (2019) yang menemukan, golongan berpendapatan pertengahan juga berdepan dengan permasalahan dari segi perbelanjaan, sama seperti golongan berpendapatan rendah.

2.4 Keperluan Asas

Ketika kemampuan untuk memenuhi keperluan asas menjadi penentu bagi menjalani kehidupan seharian yang lebih selesa, perbelanjaan untuk memenuhi keperluan asas tidak lagi menjadi keutamaan. Ini disebabkan oleh harga keperluan asas iaitu perumahan, barang keperluan asas, pakaian dan pengangkutan (termasuk kos petrol) di bandar yang meningkat, hari demi hari.

Penarikan subsidi bagi barang keperluan asas turut menyebabkan berlaku peningkatan harga contohnya bagi minyak masak. Harga minyak masak telah melonjak naik hingga 60 peratus iaitu dari RM14.70 kepada RM23.70 bagi botol 5 kilogram (Malaysiakini, 2016). Peningkatan harga minyak masak ini secara relatifnya akan turut meningkatkan harga makanan di restoran. Secara tidak langsung, ianya turut akan meningkat perbelanjaan isi rumah secara keseluruhan khususnya bagi keperluan makanan kerana perbelanjaan isi rumah bagi makan di luar adalah lebih tinggi berbanding makan di rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Di samping isu mengenai harga makanan, lambakan servis penghantaran makanan membuktikan bahawa secara tidak langsung, ianya menyebabkan perbelanjaan makanan di luar rumah turut meningkat. Ini kerana, peningkatan perkhidmatan ini sudah tentu disebabkan oleh permintaan pelanggan. Berdasarkan carian di enjin untuk mencari aplikasi seperti PlayStore dan AppStore, terdapat pelbagai syarikat yang menawarkan servis menghantar makanan seperti Foodpanda, dahmakan, mammam, DeliverEat, honestbee, GrabFood, Deliveroo, dan Bungkusit. Syarikat ini tidak termasuk dengan servis yang sememangnya telah ditawarkan oleh syarikat makanan segera seperti Kentucky Fried Chicken (KFC), McDonalds, Dominos, dan Pizza Hut. Malahan, terdapat juga premis makanan di sekitar kawasan perumahan yang turut menawarkan perkhidmatan menghantar makanan sama ada dengan cas yang rendah ataupun tanpa cas bergantung kepada jumlah makanan yang dipesan.

Servis-servis menghantar makanan juga tidak terhad untuk makanan siap malahan ada perkhidmatan penghantaran bagi pesanan barang sejuk beku dan ‘barang keperluan dapur’ seperti yang ditawarkan syarikat penghantaran HappyFresh dan juga perkhidmatan yang dilakukan oleh syarikat TESCO bagi memudahkan pelanggan memesan barang dan mendapatkan berdasarkan waktu penghantaran yang dipilih. Selain itu, terdapat juga servis sebagai ‘personal shopper’ yang mana mereka akan membantu untuk membelikan barang keperluan dapur seperti yang diperlukan dengan kadar bayaran servis yang rendah antara RM5 hingga RM10 bergantung kepada jarak lokasi. Kemudahan-kemudahan yang pelbagai seperti yang dibincangkan menunjukkan bahawa kemudahan servis yang lebih banyak ditawarkan menyebabkan peningkatan keperluan bagi makanan di luar rumah, yang secara tidak langsung turut meningkat keseluruhan perbelanjaan harian penduduk bandar.

Dalam isu perumahan pula, walaupun ianya merupakan keperluan utama, harga di luar kemampuan menyukarkan penduduk di bandar untuk memilikinya, baik secara pemilikan maupun sewaan. Ini kerana, walaupun pihak kerajaan telah melaksanakan dasar untuk membina rumah kos rendah dengan harga antara RM25,000 sehingga RM42,000 seunit yang bergantung kepada lokasi, dan kelayakan untuk membeli dihadkan kepada golongan yang berpendapatan antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan namun, unit rumah kos rendah yang ditawarkan adalah sangat terhad berbanding dengan jumlah permintaan (Abdul Rahman Embong, 2011). Walaupun kumpulan yang berpendapatan sederhana tidak layak untuk membeli rumah kos rendah dan tidak mampu untuk membeli rumah harga tinggi, rumah di bawah harga RM300,000 tidak ada atau kurang dalam pasaran Kuala Lumpur. Permasalahan ini juga berpunca daripada ksesan-kesan pembangunan di sekitar Kuala Lumpur yang banyak memfokuskan pembinaan bandar-bandar baharu, premis ruang kerja dan hab bagi industri dan komersial. Pembinaan ini secara tidak langsung meningkatkan populasi penduduk di bandar dan dalam masa yang sama, ia mengecilkan kawasan-kawasan bagi tujuan pembinaan perumahan (Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz, et al. 2011).

Bagi mendapatkan maklumat mengenai harga semasa bagi sewaan rumah, tinjauan yang dilakukan menerusi laman sesawang ‘mudah.my’, ‘mudah property’ dan ‘ibilik’ yang menjadi platform

pengiklanan untuk mencari rumah dan bilik sewa sekitar Kuala Lumpur mencatatkan, bagi rumah yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air dengan keluasan lantai antara 1000 hingga 1400 kaki persegi, harga sewaan adalah antara RM1700 hingga RM2200 dan ke atas. Bagi sewaan mengikut bilik, harga bilik utama adalah sekitar RM500 hingga RM650, bilik sederhana pula antara RM400-RM550, manakala bilik kecil pula sekitar RM350 dan ke atas.

Bagi rumah yang mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air dengan keluasan lantai 600 hingga 926 kaki persegi pula, harga sewaan adalah antara RM600 hingga RM1400 malahan, turut ada yang menawarkan harga mencecah RM1500. Kadar sewaan mengikut bilik pula menyaksikan, harga bilik utama adalah antara RM300 hingga RM450, bilik sederhana pula antara RM280 hingga RM350, manakala bilik kecil antara RM170 hingga RM250. Harga yang ditawarkan turut bergantung sama ada berperabot, berperabot sebahagian, atau tanpa perabot, selain berbeza mengikut kemudahan yang tersedia di dalam dan sekitar kawasan perumahan seperti kolam renang, gimnasium, hentian Aliran Transit Ringan (LRT), bas henti-henti, dan tempat letak kenderaan. Kebiasanya kawasan perumahan yang mudah untuk mengakses pengangkutan awam akan meletakkan harga yang lebih tinggi. Untuk menguatkan lagi mengenai isu perbelanjaan dan tahap kemampuan belia di bandar, dilema dan kesusahan yang dihadapi penduduk bandar akibat kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini disokong dengan laporan oleh tahunan Bank Negara (2017) dengan menekankan bahawa mereka terutamanya golongan bujang memerlukan sekurang-kurangnya RM2700 sebulan untuk meneruskan kelangsungan hidup di Kuala Lumpur manakala bagi pasangan berkahwin tanpa anak adalah sebanyak RM4500 dan pasangan berkahwin dengan dua orang anak sebanyak RM6500.

2.5 Keperluan Masa Lapang

Keperluan masa lapang melibatkan perbelanjaan untuk aktiviti yang dilakukan pada masa senggang seperti sewaan dan pembelian peralatan, tiket hiburan, dan lain-lain lagi. Kebiasannya, aktiviti masa lapang akan dilakukan pada hujung minggu, dan cuti umum. Ianya boleh dianggap sebagai keperluan *escapism* untuk keluar dan lari sebentar daripada masalah dan tekanan kerja, seperti yang dinyatakan oleh Stockhausen (1998, p. 1675) *leisure as non-work activity that contributes to the health and wholeness of a person.*

Kajian ini menunjukkan bahawa keperluan masa lapang tidak menjadi keutamaan dan akan dipenuhi jika keperluan perlindungan dan kesihatan; dan keperluan asas dapat disediakan. Dapatan ini selari dengan laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (2016) yang menunjukkan perbelanjaan bagi keperluan rekreasi dan kebudayaan merupakan perbelanjaan kedua terkecil.

Di bandar, kos sara hidup yang tinggi memaksa warga bandar untuk bekerja keras demi mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi agar keperluan asas dapat dipenuhi. Perkhidmatan *e-hailing* yang semakin bertambah membuktikan bahawa permintaan bagi pekerjaan tambahan semakin meningkat. Berdasarkan tinjauan di laman sesawang atas talian, antara perkhidmatan *e-hailing* yang terkemuka di Malaysia adalah Grab dan UBER (perkhidmatan UBER telah dimansuhkan di Asia Tenggara). Selain itu, syarikat *e-hailing* lain yang dilihat ingin bersaing dengan syarikat terkemuka sedia ada antaranya adalah MyCar, Diffride, Jomrides, MULA, Dacsee, Riding Pink, PICKnGO, EZCab, Tumpang, Quulo, ZeepoN, dan Frenzt. Setiap satu syarikat ini menawarkan faedah yang menarik untuk merekrut pemandu antaranya seperti yang dilakukan oleh syarikat Diffride. Syarikat inihanya mengenakan yuran sebanyak RM5 dan pendapatan yang diperoleh selebihnya akan dapat dinikmati sepenuhnya oleh pemandu itu sendiri.

Tanpa disedari, tawaran-tawaran untuk merebut peluang menggandakan pendapatan ini menyebabkan keperluan masa lapang kurang diberi perhatian. Data ini disokong dengan laporan Institut Kajian Khazanah (2018) yang menyatakan bahawa pendapatan daripada pekerjaan sendiri menyumbang sebanyak 15.6 peratus daripada keseluruhan pendapatan yang diperoleh bagi tahun 2016, dan jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding pendapatan daripada pelaburan dan pindahan wang contohnya bantuan kewangan daripada pihak kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup (dahulu dikenali sebagai Bantuan Rakyat 1Malaysia) dan juga daripada ahli keluarga.

Keperluan ini merupakan keperluan yang agak penting kerana ia berfungsi untuk kesejahteraan hidup. Namun demikian, jika mereka merasakan mereka tidak dapat menampung keperluan perbelanjaan semasa, mencari atau melakukan kerja tambahan merupakan alternatif lain bagi kebanyakan isi rumah. Malahan ada yang terpaksa melakukan lebih daripada satu pekerjaan. Siang bekerja di pejabat, manakala malam pula membuat perkhidmatan *e-hailing*. Kesan kesibukan bekerja, suami-isteri dan ibu bapa tidak mempunyai masa yang berkualiti bersama-sama ahli keluarga. (Bank Negara Malaysia & Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), 2017).

Akibatkekangan masa untuk menjalankan aktiviti masa lapang di luar rumah, keadaan ini mewujudkan satu bentuk hiburan di rumah (*in-house entertainment*). Kenyataan ini disokong dengan kemunculan aplikasi seperti Netflix, iflix, Viu, dan Astro First. Aplikasi-aplikasi ini memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih rancangan atau filem kegemaran mereka mengikut negara. Sebagai contoh, Astro First menjadi platform yang membawa filem-filem baharu ke siaran televisyen di rumahsama ada filem daripada luar negara mahupun filem tempatan. Variasi pilihan filem yang ditawarkan ini membolehkan pengguna “menonton wayang” hanya dari rumah dengan bayaran yang lebih murah iaitu antara RM10-RM15, bergantung kepada jenis filem. Filem ini juga dapat ditonton berulang-kali dalam tempoh seminggu. Begitu juga dengan aplikasi ‘tonton’ yang memudahkan isi rumah menontonsemula drama-drama yang diminati secara atas talian dengan bayaran RM10 sebulan atau RM96 bagi tempoh setahun.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa terdapat belia yang terpaksa mengenepikan keinginan untuk berhibur dan beriadah di luar rumah akibat kekangan masa dan persekitaran yang sesak. Keadaan ini didorong atas faktor keinginan untuk menikmati cuti yang berkualiti bersama rakan ataupun keluarga. Tidak kurang juga, dapatan ini menunjukkan bahawa belia banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan di alam kerana masa lapang yang ada dihabiskan untuk meluangkan masa bersama pasangan.

2.6 Keperluan Keluarga

Andaian awal kajian ini yang golongan belia Melayu tetap mengambil tahu keperluan keluarga (ibu bapa dan adik beradik) walaupun tinggal secara berasingan, meleset sama sekali. Ini kerana, dapatan kajian memperlihatkan keperluan keluarga akan diutamakan hanya setelah keperluan masa lapang dapat dipenuhi. Jika merujuk kembali sumbangan wang daripada anak-anak kepada ibu bapa, jumlahnya hanya sebahagian kecil daripada peratusan punca pendapatan ibu bapa berbanding dengan pendapatan yang lain (Husna Sulaiman & Jariah Masud, 2012). Meskipun ibu bapa mungkin mempunyai simpanan sendiri yang diperoleh daripada simpanan KWSP atau pelaburan unit amanah yang dilakukan, sumbangan wang daripada anak-anak masih pada tahap yang sangat rendah.

Ironinya, bagi ibu bapa yang tidak mempunyai aset lain, sudah tentu ketiadaan sumber kewangan ini daripada anak-anak akan bertambah menyukarkan mereka untuk memenuhi keperluan.

Namun, meninjau persekitaran sosial pada masa kini, tidak semua warga tua hanya mengharap sumbangan wang dari anak-anak kerana terdapat juga warga tua yang bekerja untuk menampung sebahagian perbelanjaan mereka. Tinjauan yang dilakukan di premis restoran segera sekitar kawasan Kuala Lumpur, selain penggajian ke atas Orang Kelainan Upaya (OKU), terdapat juga warga tua berumur 50 tahun ke atas bekerja di premis tersebut sehingga larut malam. Jika peluang pekerjaan di sekitar kawasan perumahan mereka sukar diperoleh, permasalahan kewangan akan semakin meruncing selari dengan yang dinyatakan Husna Sulaiman dan Jariah Masud, (2012) iaitu pekerjaan bagi memyokong pendapatan golongan pesara amatlah penting untuk membantu penyediaan barang keperluan di rumah.

Di dalam perhubungan kekeluargaan, sememangnya anak-anak dipertanggungjawabkan untuk menjaga ibu bapa. Melewati usia, ibu bapa akan banyak menghabiskan masa untuk aktiviti keagamaandan sukarela (Husna Sulaiman & Jariah Masud, 2012, p. 241). Namun, dengan kos sara hidup yang tinggi di bandar dan perbelanjaan sedia ada yang semakin meningkat, anak-anak tidak mampu untuk menghantar wang yang banyak ke kampung kerana tinggal berasingan memperuntukan perbelanjaan yang lebih besar berbanding tinggal bersama.

3. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini ingin melihat perbelanjaan yang menjadi amalan belia kumpulan B40 dan M40 yang menetap di bandar. Berdasarkan dapatan daripada kajian lapangan, keperluan yang menjadi keutamaan kedua-dua kumpulan belia ketika berbelanja telah memperlihatkan satu dimensi baharu dan menyumbang kepada dapatan kajian mengenai isu perbelanjaan dan budaya berbelanja. Dapatan kajian menunjukkan, persekitaran kehidupan dan pendapatan yang terhad membentuk perbelanjaan yang mengutamakan kelangsungan survival. Dalam konteks kajian ini, keperluan tersebut adalah perlindungan dan kesihatan, dan juga keperluan-keperluan asas.

Dalam mengharungi kehidupan di bandar yang penuh mencabar, sememangnya pertimbangan untuk mendahulukan keperluan yang paling penting amat dituntut. Hal ini demikian kerana, ianya menjadi kunci agar keperluan-keperluan tersebut dapat dipenuhi dengan jumlah pendapatan yang dimiliki. Dapatan ini menunjukkan bahawa, walaupun keperluan asas seperti tempat tinggal adalah keperluan paling utama namun, kos sara hidup yang tinggi di bandar memaksa golongan belia baik dalam kumpulan B40 mahupun M40 memilih untuk menyewa berbanding membeli. Maka tidak hairanlah jika, peruntukan perbelanjaan bagi keperluan perlindungan dan kesihatan umpamanya dapat diperingkat dengan adanya lebihan wang hasil kos perbelanjaan bagi tujuan perumahan yang lebih rendah.

Namun begitu, kesibukan mencari wang juga menyebabkan keperluan masa lapang kurang dititikberatkan walaupun menetap di kawasan bandar yang menawarkan pelbagai bentuk hiburan. Kenyataan ini secara tidak langsung memperlihatkan tahap survival yang tinggi bagi belia dalam kedua-dua kumpulan tersebut. Bagi keperluan keluarga, amalan nilai-nilai kekeluargaan yang berakar dalam kehidupan orang Melayu tidak menghalang golongan belia ini untuk terus berbakti kepada keluarga walaupun mempunyai pendapatan yang terhad.

Melalui dapatan tersebut, jelaslah bahawa perbelanjaan bagi memenuhi keperluan yang pelbagai dalam sesebuah kumpulan masyarakat itu diukur berdasarkan kepentingannya menurut masyarakat itu sendiri. Dengan adanya dapatan mengenai aspek perbelanjaan dari sudut hubungannya dengan pendapatan dan faktor-faktor sosial yang berjaya diketengahkan, dapatan ini dapat membantu pihak kerajaan untuk menyediakan polisi dan bantuan yang lebih bersasar, sesuai dengan realiti dan

keinginan belia kumpulan B40 dan M40 yang menetap di bandar. Di samping itu juga, kajian ini akan membantu golongan belia untuk menyusun keperluan-keperluan mengikut kepentingannya, sesuai dengan struktur kehidupan di bandar si sampping tingkat pendapatan mereka sendiri. Hasilnya, permasalahan-permasalahan sosial yang dijangka timbul ekoran isu perbelanjaan dapat ditangani dengan lebih baik seterusnya membantu golongan ini untuk menikmati kehidupan yang lebih sejahtera.

Isu perbelanjaan bagi keperluan tertentu yang berlingkaran dalam kehidupan belia kumpulan B40 dan M40 diberi keutamaan memandangkan mereka adalah golongan yang amat terkesan dengan kos sara hidup di bandar dan yang secara langsung akan mempengaruhi perbelanjaan. Bagi menambahbaik kajian ini, kajian selanjutnya boleh menfokuskan faktor-faktor lain yang dijangka dapat menambah perincian mengenai isu perbelanjaan ini seperti faktor-faktor persekitaran, gender, jenis kawasan penempatan dan tingkat pendapatan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

References

- [1] Abdul Rahman Embong, 2011. Pembandaran dan kehidupan bandar di semenanjung Malaysia. Akademika, 81(2), 23-39.
- [2] Ando, A., & Modigliani, F, 1963. The "Life Cycle" Hypothesis of Saving: Aggregate Implications and Tests. The American Economic Review, 53(1), 55-84.
- [3] Bank Negara Malaysia & Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). 2017. Cabaran kewangan isi rumah miskin bandar. Ringgit.
- [4] Bank Negara Malaysia, 2015. Laporan Tahunan 2015. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- [5] Burton, J. 1990. Conflict: resolution and prevention. New York: St Martin's Press.
- [6] Bank Negara Malaysia, 2017. gaji kehidupan wajar: bukan sekadar menampung keperluan asas. Rencana tahunan laporan BNM. Retrieved from www.bnm.gov.my
- [7] Bank Negara Malaysia, 2018. Laporan Tahunan 2017. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- [8] Creek, C, 1959. Consumer decision making and buying behaviour. Proceedings of the Annual Meeting, 32, 80-84.
- [9] Barreiro, I. C, 2006. Human Development assessment through the Human-Scale Development approach: integrating different perspectives in the contribution to a sustainable human development theory: Thesis Doctoral. Retrieved from Universitat Politecnica de Catalunya: <http://hdl.handle.net/2117/93239>
- [10] Duesenberry, J, 1949. Income, saving, and the theory of consumer behavior. Cambridge: Harvard University Press.

- [11] Friedman, M, 1957. The permanent income hypothesis. In M. Friedman, A Theory of the consumption function (pp. 20-37). New Jersey, U.S.A: Princeton University Press.
- [12] Husna Sulaiman & Jariah Masud, 2012. Determinants of income security of older persons in Peninsular Malaysia. Pertanika, Journal of Social Sciences and Humanities, 20(1), 239-250.
- [13] Husniyah, A.R., Mohd Fazli, S., Norhasmah, S., Mohd Amim, O., Norhafifah, S., & Fatin Farwizah, M.R., 2017. Financial practices and physical health influencing financial health of Malaysian employees. Malaysian Journal of Consumer and Family Economics, 20, 1-20.
- [14] Institut Kajian Khazanah, 2018. The state of household 2018 : different realities. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kajian Khazanah. Retrieved from http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport_KRI_SOH_2018.pdf
- [15] Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017. Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2016. Retrieved from www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=V3R4SHBmeUhDUWIETjZUbXdWbXB2dz09
- [16] Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). 2019. Belanjawanku : expenditure guide for Malaysian Individuals and Families. Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- [17] Malaysiakini.2016. Harga sesetengah minyak masak naik hingga 60 peratus . 2016. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/361306>.
- [18] Martins, J.M., Yusuf, F., & Swanson, D. A. 2012. Consumer demographics and behaviour. Springer. doi:10.1007/978-94-007-1855-5.
- [19] Maslow, A. 1943. A theory of human motivation. Psychological Review. 50: 370-396
- [20] Max-Neef, M. 1992. Development and human needs. In P. M.-N. Ekins, Real-life economics. understanding wealth creation (pp. 197-213). London: Routledge.
- [21] Mohd Taib Osman. 1989. Agama dan kepercayaan orang Melayu : organisasi dan struktur. In M. T. Osman, Masyarakat Melayu, struktur, organisasi dan manifestasi (pp. 146-203). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [22] Murallitharan Munisamy, Tharini Thanapalan, Pattaraporn Piwong, Alessio Panza, & Sathirakorn Pongpanich. 2018. Assessment of the validity and reliability of an urban household health expenditure (HHE) questionnaire in Kuala Lumpur. Journal of Health Research, 32(1), 24-35.
- [23] Murray, M., Pauw, C., & Holm, D. 2005. The house as a satisfier for human needs : a framework for analysis, impact measurement and design. World Congress on Housing: Transforming Housing Environments through Design. Pretoria, South Africa.
- [24] Nor Aini Haji Idris, Norlida Hanim Mohd Salleh, & Mohd Ali Mohd Noor. 2011. Faktor penentu perbelanjaan kesihatan di kalangan golongan bekerja. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM) (pp. 124-130). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Retrieved from <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVI/PERKEM2011-2-4B6.pdf>

- [25] Nurshuhada Zainon, Faizul Azli Mohd-Rahim, Syazwani Sulaiman, Saipol Bari Abd- Karim, & Atikah Hamzah. 2017. Factors affecting the demand of affordable housing among the middle-income groups in Klang Valley Malaysia. Journal of Design and Built Environment, 1-10.
- [26] Rosenberg, M. 2003. Non-violent communication. A language of life. California: Puddle Dancer Press.
- [27] Rusli Latimaha, Zakaria Bahari & Nor Asmat Ismail. 2018. Factor influencing the basic needs budget among the middle income earners in selected major cities in Malaysia. Journal Ekonomi Malaysia, 52(3), 29-40.
- [28] Sabstu, J. 2014. Rising living cost: Impact to the citizen. Dimensi Koop, 15-16. Soc Indic Res, 116(3), 755-770.
- [29] Solomon, M. R. 1996. consumer behavior (3 ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- [30] Stockhausen, G. 1998. Leisure in the economic thought of John Paul II. International Journal of Social Economics, 25(11/12), 1672- 1683.
- [31] Suhaimi Abd Samad & Norma Mansur. 2013. Population ageing and social protection in Malaysia. Malaysian Journal of Economic Studies, 50(2), 139-156.
- [32] The Edge. 2019. Economy, cost of living tops rakyat concerns. Retrieved from www.theedgemarkets.com.
- [33] The Star. 2018. Don: Government needs to plan for ageing Malaysians. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/29/don-govt-needs-to-plan-for-ageing-malaysians/>
- [34] Wan Abdul Kadir Wan Yusof. 2000. Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu. Kuala Lumpur, Malaysia: Masfami Enterprise.
- [35] Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz, Noor Rosly Hanif & Kuppusamy Singaravello. 2011. Affordable housing within the middle income households in Malaysia: challenge to enter homeownership. Australian Journal of Basic and Applied Sciences, 5(8), 258-267.